



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 20 September 2025.

Untuk Terbitan Media  
20 September 2025

## SIARAN MEDIA

### PUSAT DIALISIS PERKESO SEBERANG JAYA DIBUKA, MOT TERUS TAJAAN LINDUNG KENDIRI

**PERMATANG PAUH:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini merasmikan Pusat Dialisis PERKESO Cawangan Seberang Jaya yang keenam di Malaysia dan yang pertama di utara Semenanjung.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata pengoperasian pusat dialisis baharu ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan PERKESO untuk memperluaskan perkhidmatan kepada pencarum yang memerlukan rawatan dialisis.

"Pusat dialisis baharu ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang terus melindungi dan membela nasib pekerja dalam pelbagai aspek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama perasmian Pusat Dialisis PERKESO Cawangan Seberang Jaya dan Penyerahan Tajaan LINDUNG Kendiri, di sini, hari ini.

Dilengkapi kemudahan moden, rawatan berkualiti tinggi dan kakitangan berpengalaman serta berdedikasi, pusat yang terletak di Pejabat PERKESO Pulau Pinang, di Seberang Jaya ini mampu menampung penyediaan rawatan dialisis untuk 36 pesakit sehari.

Pengoperasian pusat baharu ini akan memberi manfaat kepada lebih 15,000 pencarum aktif yang kini sedang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara, terutamanya di rantau utara Semenanjung.

Untuk rekod, berdasarkan statistik untuk 2024 sahaja, PERKESO memperuntukkan RM389.2 juta bagi menampung kos rawatan dialisis pencarum, manakala dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, kos berkenaan mencecah RM272.99 juta.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook memaklumkan, pada tahun ini Kementerian Pengangkutan bersetuju untuk terus menaja caruman LINDUNG Kendiri, yang sebelum ini dikenali sebagai inisiatif Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Inisiatif ini akan memanfaatkan seramai 35,000 pemandu teksi, pemandu kereta sewa dan 15,000 pemandu bas sekolah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan menanggung 30 peratus daripada caruman LINDUNG Kendiri yang berjumlah RM232.80 untuk tempoh perlindungan selama 365 hari dengan baki 70 peratus lagi ditanggung oleh Kerajaan menerusi Belanjawan 2025.

Inisiatif tajaan ini merupakan usaha MOT untuk memastikan orang bekerja sendiri di bawah sektor pengangkutan penumpang di negara ini dilindungi sekiranya berlaku kemalangan semasa menjalankan perkhidmatan termasuk dalam perjalanan untuk melakukan pekerjaan.

"MOT yakin akan keperluan menyediakan perlindungan keselamatan kepada individu bekerja sendiri di bawah sektor pengangkutan penumpang adalah selari dengan teras strategik MADANI yang sentiasa memfokuskan usaha membina semula ekonomi dan menjamin kesejahteraan insan," jelasnya dalam program sama.

Berdasarkan statistik PERKESO bagi tempoh dari Januari hingga 5 September tahun ini, seramai 829,771 Orang Bekerja Sendiri (OBS) mencarum LINDUNG Kendiri, dengan 189,662 pencarum terdiri daripada kategori pengangkutan penumpang.

Dari segi penyaluran faedah menerusi LINDUNG Kendiri, sebanyak 5,712 penerima direkodkan dengan nilai bayaran mencecah lebih RM21.2 juta bagi tempoh sama.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkuatkan peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkuatkan kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG Pekerja**, Akta 800 sebagai **LINDUNG Kerjaya**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG Kendiri**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG Kasih**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**20 September 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)

